



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	6/3/2013

**BH** 6 MAC 2013 © RABU

# Serangan mesti hati-hati: Tun M

BH-6/3/2013

» *Malaysia  
berhak  
melawan  
kerana negara  
diceroboh*

► Kuala Lumpur

**T**un Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan memerlukan perancangan teliti dan tidak boleh tergesa-gesa menangani serangan pengganas bersenjata di Lahad Datu.

Beliau berkata ini kerana ia membabitkan keselamatan rakyat, selain serangan ganas kumpulan itu hingga sanggup membunuh sesama Islam.

"Ini adalah satu gerakan yang agak kompleks kerana kerajaan tidak boleh serang balas begitu sahaja. Kalau kita serang balas mungkin penduduk di situ akan jadi mangsa," katanya ketika mengulas dakwaan bahawa pasukan keselamatan dan pertahanan negara lewat membuat serangan balas.

"Kita berhadapan satu masalah baharu, kita tak pernah lihat benda ini berlaku dalam negara kita. Mereka melakukan sesuatu yang cukup buruk iaitu mendedahkan orang tidak berdosa," katanya.

Mengenai tindakan bebera-

pa kumpulan di Filipina yang menyelar tindakan Malaysia menyerang pengganas itu, beliau berkata pasukan keselamatan negara berhak melawan kerana mereka telah menceroboh dan membunuh.

"Kalau mereka serang kita dengan senjata, bunuh orang kita macam mana lagi kita nak tangani masalah ini. Mereka nampak begitu ganas sekali, datang dengan senjata, itu pun sudah jadi satu kesalahan," katanya.

Dr Mahathir juga percaya penduduk di Sabah masih setia dengan Malaysia serta yakin terhadap kemampuan pasukan keselamatan dan pertahanan negara.



“*Satu gerakan yang  
agak kompleks,  
kerajaan tidak boleh  
serang balas begitu  
sahaja. Kalau kita serang  
balas mungkin penduduk  
di situ akan jadi mangsa*”

**Mahathir Mohamad,**  
Mantan PM

